KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KEDAH			

Tiada aktiviti pembalakan di Bukit Wang - MB

Sinar
12.11.2021_28

Sebaliknya Muhammad Sanusi tegaskan kejadian kepala air disebabkan kadar hujan yang tinggi

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Tiada aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Lipur Bukit Wang di sini yang mengakibatkan fenomena kepala air hingga menyebabkan dua pengunjung terperangkap di kawasan peranginan itu pada Selasa.

Perkara itu ditegaskan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang menolak dakwaan kejadian fenomena kepala air di kawasan peranginan disebabkan aktiviti pembalakan.

Menurutnya, kejadian kepala air terbabit tidak ada kaitan dengan isu pembalakan memandangkan tiada aktiviti berkenaan di kawasan tersebut sebaliknya fenomena itu disebabkan kadar hujan yang tinggi.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan dua pengunjung lelaki masing-masing berusia 19 dan 21 tahun terperangkap dalam kejadian kepala air di Hutan Lipur Bukit Wang di sini pada petang Selasa.

Bagaimanapun, kedua-dua mereka dilaporkan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Sementara itu, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM2.07 juta untuk membaiki infrastruktur yang rosak akibat banjir di beberapa daerah di negeri itu.



MUHAMMAD SANUSI

Katanya, peruntukan yang diluluskan pada Rabu itu bagi memboleh-kan infrastruktur penting diperbaiki terlebih dahulu demi kemudahan rakyat.

"Kita perbaiki perka-ra penting-penting dahu-lu yang ada dalam bidang kuasa negeri. Sebagai contohnya, jika ada titi yang rosak atau jalan raya terputus akibat banjir, kita akan per-baiki dengan segera.

"Perkara lain kita akan tunggu air surut dahulu," katanya kepada pem-berita selepas merasmikan Program Executive Talk Perundangan Perancangan di Hotel Raia di sini pada Khamis.

Muhammad Sanusi berkata, Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di setiap daerah telah diarahkan di-buka sebagai persediaan awal ber-depan sebarang kemungkinan.